

06 AUG 2003

Rais-Akta/I

AKTA AMANAH (PERBADANAN) AKAN DIPINDA

PUTRAJAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Akta Perbadanan Amanah (Perbadanan) 1952 sedang dipinda untuk memperketatkan lagi proses pendaftaran badan seperti Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata hari ini, salah satu cadangan pada pindaan itu ialah melibatkan polis untuk mengawasi aktiviti-aktiviti badan seperti itu.

Kini terdapat 53 badan, termasuk PTCM yang dikaitkan membawa kepada tumpasnya Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (FSFM) palsu yang didaftarkan di bawah akta itu.

"Kita sebenarnya telah mengadakan ujian objektif dan juga megubahsuaikan peruntukan yang terdapat pada akta ini untuk ditimbang kerajaan. Dan diharapkan saya boleh mengemukakan pengubahsuaian ini kepada kerajaan dalam masa beberapa minggu lagi," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini.

"Dengan pengubahsuaian ini, saya boleh katakan pendaftaran bagi pertubuhan seperti ini akan lebih diperketatkan di masa akan datang," kata beliau.

FSFM merupakan cabang haram PTCM, yang menjadi perhatian setelah ketuanya Munsyi Muslim Yacob mendakwa menteri kabinet terbabit dengan FSFM.

Dakwaan ini membuatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Munsyi membuktikan kenyataannya itu atau menghadapi tindakan undang-undang jika gagal berbuat demikian.

Munsyi memberitahu Bernama semalam bahawa beliau tidak ada dokumen untuk membuktikan dakwaan itu dan kenyataannya telah disalahtafsirkan oleh media.

Rais berkata terserah kepada pihak pendakwa raya untuk meneruskan apa-apa tindakan terhadap Munsyi.

Dengan pengakuan Munsyi itu, beliau berkata jelaslah tidak ada asas bagi mana-mana pihak untuk mempercayai cerita awalnya.

Rais berkata kenyataan Munsyi itu menampakkan bahawa dia seolah-olah "menggelabah" dan ini menunjukkan bahawa seseorang itu harus berhati-hati sebelum mengeluarkan pendapat.

"Ini kerana apabila pandangan mereka dibuat, kemungkinan masyarakat berfikir pandangan mereka itu betul. Sekarang, setelah pemimpin PTCM kata beliau sendiri tidak ada bukti, nyatalah bahawa ini satu permainan menerusi media untuk mencemaskan pihak-pihak tertentu dan mengelirukan masyarakat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rais mengingatkan media supaya berhati-hati ketika menyiarkan berita mengenai dakwaan "penglibatan" orang ramai dalam FSFM.

"Sebagai "terlibat" setahu saya, penyertaan aktif atau menganggotai sesuatu badan bertentangan seperti dakwaan yang dibuat," kata beliau.

Sebaliknya, beliau berkata, dengan menerima sepucuk surat daripada FSFM atau bergambar dengan anggotanya tidak semestinya menunjukkan seseorang itu "terlibat" dengan pertubuhan haram.

Rais ada menerima sepucuk surat yang ditandatangani Nor Azami Ahmad Ghazali menjemput beliau menghadiri majlis FSFM tetapi menteri itu tidak memenuhi jemputan itu apabila mendapati badan itu adalah haram.

"Berhati-hati dengan perkataan "involved" atau "terlibat". Di sini reputasi seseorang telah terjejas, ini bukan untuk jual surat khabar sahaja," kata beliau.

FSFM telah ditumpaskan setelah ketuanya Nor Azami Ahmad Ghazali ditangkap pada 24 Julai lepas diikuti dengan lebih 2,000 anggotanya.

Rais berkata beliau akan menyampaikan satu laporan kepada Kabinet mengenai FSFM minggu depan.

-- BERNAMA

MAM BK